

15 JUL 2001

Jamuan-Rekod

JAMUAN BERSAMA PM BAKAL DICATAT DALAM MALAYSIA BOOK OF RECORDS

MELAKA, 15 Julai (Bernama) -- Jamuan Malam Rakyat Bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran Sejarah, Air Keroh pada malam esok bakal dicatatkan dalam Malaysia Book of Records sebagai majlis jamuan yang dihadiri oleh bilangan orang yang paling ramai di negara ini.

Pengerusi majlis makan malam itu, Datuk Amid Nordin, yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri, berkata rekod sebelum ini ialah 20,200 orang yang diadakan di Negeri Sembilan manakala jamuan esok dijangka dihadiri oleh lebih 25,000 orang dari seluruh negeri.

"Sebanyak 2,500 meja disediakan dengan 17 tukang masak ditugaskan untuk menyediakan makanan bagi para tetamu yang terdiri dari anggota pertubuhan bukan kerajaan, pegawai kerajaan, pemimpin parti politik dan orang ramai," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau berkata untuk melicinkan perjalanan majlis itu, seramai 500 petugas disediakan khusus untuk mengawal lalulintas dan menjaga kawasan tempat letak kereta yang disediakan di Taman Tasik Utama, Kompleks Seri Negeri, Hutan Rekrasi, Taman Mini Malaysia dan kawasan yang berdekatan.

"Kami meminta orang ramai yang diundang ke majlis itu agar datang lebih awal pada kira-kira pukul enam petang dan segala kemudahan termasuk tempat sembahyang disediakan oleh penganjur," katanya.

Beliau berkata Dewan Hang Jebat di Pusat Expo, Kompleks Belia dan Sukan negeri dan Surau di Zoo Melaka boleh digunakan untuk orang Islam menunaikan solat.

Amid berkata orang ramai perlu mengikut arahan petugas untuk meletakkan kenderaan di kawasan yang disediakan dan penganjur menyediakan perkhidmatan bas ulang-alik dari kawasan letak kereta ke tempat jamuan.

"Orang ramai juga diminta tidak meletakkan kenderaan di tepi jalan kerana penganjur menyediakan dua kenderaan penunda untuk menunda kenderaan yang diletakkan di tepi jalan ke kawasan tempat letak kereta. Ini untuk memastikan kelancaran lalulintas di kawasan berkenaan," katanya.

Beliau berkata kawasan tempat letak kereta turut dipasang dengan lampu untuk memastikan kenderaan orang ramai berada dalam keadaan selamat selain beberapa petugas ditugaskan menjaga kawasan berkenaan.

Sementara itu, Ketua Jabatan Ketenteraman Awam dan Trafik negeri Supt Onn Ahmad berkata jalan dari Plaza tol Air Keroh dan di hadapan balai polis Air Keroh akan ditutup mulai pukul 6 petang hingga 12 malam.

"Peguna jalan raya dari Plaza tol Air Keroh boleh menggunakan simpang di hadapan Plaza tol ke jalan Padang Keladi-Durian Tungga-Batu Berendam untuk ke pusat bandar dan juga sebaliknya," katanya.

Beliau berkata polis trafik turut ditugaskan untuk mengawal lalulintas dan orang ramai diharap mengikut peraturan dan arahan yang diberikan oleh polis yang bertugas.

-- BERNAMA

SBS AKD